

24/09/2002

Nik Aziz tohmah Perdana Menteri lagi

Manzaidi Mohd Amin

BACHOK, Isnin - Seorang ahli perniagaan semalam membuat laporan polis berhubung satu kenyataan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengenai kebolehan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membaca al-Quran.

Mohd Zain Yasim, 35, membuat laporan itu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) ini, kira-kira jam 5.40 petang, bersama kaset dipercayai mengandungi rakaman ucapan Nik Abdul Aziz, sebagai bukti.

Beliau berkata, dakwaan Nik Abdul Aziz kononnya Dr Mahathir tidak tahu membaca al-Quran yang disampaikan dalam ceramah politik di Sekolah Menengah Agama Arab Beris Lalang, dekat sini, kira-kira jam 11 malam pada Sabtu lalu, adalah fitnah.

Katanya, dalam ceramah yang dihadiri kira-kira 600 penyokong Pas itu, Nik Abdul Aziz, didakwa mengatakan bahawa Dr Mahathir sendiri mengakui tidak tahu membaca al-Quran, ketika menyampaikan ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno, Julai lalu.

Antara kandungan ceramah Nik Abdul Aziz itu ialah "Yang jadi peliknya, dia (Dr Mahathir) sendiri sebut acap (berulang) kali dalam ucapan penggulungan, sebelum letak jawatan, saya (Dr Mahathir) tak reti (tahu) baca Quran, bagaimana nak balah (bergaduh) dengan orang reti baca Quran".

"Sebagai rakyat Kelantan dan warga negara Malaysia, saya berasa terkilan dengan kata-kata itu dan menyifatkannya sebagai hasutan serta fitnah dengan niat untuk memecah-belahkan rakyat," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan polis di IPPD ini, di sini, petang semalam.

Mohd Zain berkata, sebagai perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno ke-56 Julai lalu, beliau tidak pernah mendengar Dr Mahathir mengatakan beliau tidak tahu membaca al-Quran.

Sebaliknya, kata beliau, Presiden Umno itu berulang kali menyatakan kekesalannya kerana gagal mengubah sikap orang Melayu supaya tidak terlalu bergantung kepada tongkat.

"Itu saja yang saya serta beberapa perwakilan Umno lain yang hadir pada perhimpunan itu, tahu dan sama sekali tidak pernah mendengar Dr Mahathir menyatakan beliau tidak tahu membaca al-Quran.

"Sebagai orang Islam saya berasa bertanggungjawab untuk memperbetulkan tohmahan yang dilemparkan pemimpin Pas ini dengan melaporkannya kepada polis," katanya.

Sementara itu, Pemangku Ketua Polis Daerah, Asisten Superintendan Hafik Jabil, ketika ditemui mengesahkan menerima laporan itu kira-kira jam 5.40 petang.

Katanya, siasatan kes itu dilakukan mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan kerana mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah.

"Kertas siasatan akan dibuka secepat mungkin dan kes ini diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Cif Inspektor Mohd Shafie Mohd Nor," katanya.